

**Bahagian A**

[50 markah]

*Jawab mana – mana lima soalan daripada bahagian ini.*

- 1 (a) Menagapakah keuntungan penting kepada sesebuah perniagaan? [5 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

Alia merupakan seorang penjual nasi lemak di Kawasan perumahan Permata. Beliau menguruskan perniagaan secara bersendirian. Masa operasi bermula dari 7 pagi sehingga jualanannya habis. Kebanyakan pelanggannya terdiri daripada penduduk Kawasan tersebut.

- (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan milikan perniagaan di 1 (b) (i). [4 markah]

- 2 (a) Jelaskan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam perniagaan. [6 markah]

Maklumat berikut berkaitan dengan objektif perniagaan Syarikat Alam Sdn. Bhd.

- Menetapkan sasaran pengeluaran computer sebanyak 100 000 unit pada tahun 2019 bagi memenuhi permintaan seluruh Malaysia.
- Peningkatan keuntungan setiap tahun sebanyak 15%.

Terangkan ciri objektif perniagaan tersebut. [4 markah]

- 3 (a) Jelaskan faktor luaran sesebuah perniagaan yang boleh menyebabkan misi dan objektif perniagaan perlu dinilai semula. [4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan kewangan.

- Menyediakan perancangan kewangan
- Mengagihkan sumber kewangan
- X

Jelaskan X. [3 markah]

- (c) Situasi berikut berkaitan dengan proses komunikasi.

Encik Hafies yang sedang bertugas di luar Kawasan telah menghubungi setiausahanya, Cik Nina melalui telefon memintanya untuk menghantarkan sebut harga bekalan melalui e-mel dengan kadar segera.

Jelaskan proses tersebut. [3 markah]

- 4 (a) Pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan mempunyai peranan yang tertentu.


Jelaskan peranan yang berikut:

- (i) Membentuk persekitaran kerja [3 markah]  
 (ii) Menggalakkan kreativiti dan inovasi [3 markah]

- (b) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan sumber yang digunakan oleh sebuah syarikat percetakan.



Gambar 1



Gambar 2

Bezakan kedua – dua sumber tersebut. [4 markah]

- 5 (a) Situasi berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.

Puan Nora merupakan pemilik Cahaya Pharmacy Sdn. Bhd. di Jeram, Selangor. Dia ingin mengembangkan perniagaannya dengan membuka satu lagi cawangan baharu di Banting, Selangor tetapi kekurangan sumber pembiayaan. Dia bercadang untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak MARA.

Jelaskan prosedur yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan sumber pembiayaan tersebut.

[4 markah]

- (b) Mengapakah penyata pendapatan penting kepada usahawan? [4 markah]  
 (c) Jelaskan semangat berpasukan sebagai satu ciri yang perlu ada pada seorang usahawan [2 markah]

6 (a) Jelaskan kesalahan yang sering dilakukan peniaga di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. [3 markah]

(b) Situasi bberikut berkaitan dengan promosi.

Syarikat Iss Sdn. Bhd. bercadang untuk mengkomersialkan minuman botol buah avocado. Pengurus pemasaran telah ditugaskan untuk mempromosikan minuman tersebut.

Terangkan kaedah promosi yang sesuai bagi produk tersebut. [4 markah]

(c) Jelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan. [3 markah]

**Bahagian B**

[30 markah]

*Jawab mana – mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat pembinaan.

Syarikat Pembinaan Orchid Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 20 Juli 2007, merupakan syarikat kontraktor binaan bangunan yang berdaftar dengan Pendaftaran Syarikat bernombor 786241-4. Syarikat ini merupakan kontraktor binaan kelas G7 yang beroperasi di Sabah. Pada tahun 2018, bilangan pekerja tetap seramai 200 orang dan pekerja sambilan pula seramai 100 orang. Syarikat menikmati jualan tahunan melebihi RM50 juta. Oleh itu, syarikat ingin berkecimpung dalam teknologi Sistem Binaan Berindustrian (IBS) iaitu pembinaan pasang siap dalam semua projek perumahan yang diperolehinya. Dalam satu mesyuarat Lembaga pengarah, pengurus syarikat memberitahu para pemegang saham seperti berikut:

“Syarikat ingin menetapkan matlamat baharu untuk menjadi syarikat pembinaan yang unggul di Malaysia dalam penghasilan teknologi IBS menjelang tahun 2021. Oleh itu, pihak syarikat bercadang menjalinkan usahasama dengan syarikat pengeluar IBS di negara Eropah dalam tempoh terdekat”.

- (a) Jelaskan skala perniagaan Syarikat Pembinaan Orchid Sdn. Bhd. [3 markah]
- (b) Jelaskan perkaitan antara saiz syarikat dengan bentuk pemilikan perniagaan. [6 markah]
- (c) Bersetujukah anda dengan matlamat baharu syarikat tersebut?  
Kemukakan alasan anda. [6 markah]

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Imran, seorang usahawan.

Encik Imran merupakan seorang pengusaha ikan iblis di Pantai Remis, Perak. Ikan bilis keluarannya pelbagai dan bermutu tinggi. Dia menjual ikan bilis tersebut di kedainya. Segala urusan perniagaan diurus Bersama seorang pekerja. Strategi produk dalam pengeluarannya kurang berkesan menyebabkan permintaan ikan bilis kurang mendapat sambutan. Oleh itu, dia menjualnya pada harga yang murah dan memperoleh pulangan yang rendah sehingga tidak dapat menampung kos operasi perniagaan.

- (a) Jelaskan kelebihan Encik Imran sebagai usahawan kepada masyarakat. [3 markah]
- (b) Cadangkan kepada Encik Imran saluran agihan yang berkesan untuk meningkatkan jualan.  
Kemukakan alasan anda. [6 markah]
- (c) Terangkan strategi produk dan strategi harga yang perlu dilakukan oleh Encik Imran untuk meningkatkan jualan. [6 markah]

- 9 Maklumat berikut merupakan penyata kewangan sesebuah perniagaan

**Syarikat Berjaya Fesyen Sdn. Bhd.  
Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2018**

	RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Mesin Jahit	50 000	
Perabot	<u>20 000</u>	70 000
<b>Aset Semasa</b>		
Stok Akhir	40 000	
Penghutang	25 000	
Tunai	<u>10 000</u>	<u>75 000</u>
		<u><u>145 000</u></u>
<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Modal Awal		60 000
Tambah : Untung bersih		<u>45 000</u>
		105 000
Tolak : Ambilan		<u>2 000</u>
Modal akhir		103 000
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>		
Pinjaman		25 000
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Pemiutang		<u>17 000</u>
		<u><u>145 000</u></u>

- (a) (i) Hitung nisbah semasa bagi Syarikat Berjaya Fesyen Sdn. Bhd. [2 markah]
- (ii) Analisis nisbah semasa di (a) (i) dapat menyokong syarikat memohon pinjaman untuk mengembangkan perniagaan. Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Terangkan jenis pembiayaan bank untuk syarikat menambah bilangan aset sedia ada. [8 markah]

**Bahagian C**

[20 markah]

*Soalan ini wajib dijawab.*

- 10 Syarikat Kasut Selesa Sdn. Bhd. (SKSSB) merupakan syarikat yang menghasilkan kasut berasaskan kulit. Syarikat ini beroperasi di Kawasan Perindustrian Senai, Johor. Mulai tahun 2017 pihak syarikat telah memperkenalkan produk baharu iaitu kasut kesihatan yang berkonsepkan ‘gaya, anggun dan sihat’. Kasut tersebut dijual dengan harga RM250 sepasang. Pihak syarikat memerlukan modal tambahan sebanyak RM100 000 untuk pembelian mesin baharu dan pengubahsuaian kilang. Pihak syarikat telah menerima tawaran pinjaman daripada dua buah bank. Maklumat tawaran pinjaman daripada kedua – dua buah bank tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	Bank XX	Bank MM
Jumlah pinjaman	RM100 000	RM100 000
Faedah pinjaman (setahun)	5.5% (Kadar tetap)	4.9% (Kadar berubah)
Tempoh pinjaman (tahun)	5	7
Cagaran	Tiada	Ada

Kasut kesihatan keluarannya dipasarkan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Selain itu, syarikat juga menerima tempahan kasut kesihatan sebanyak 6 000 pasang daripada Kilang Harapan. Kilang tersebut memberi tempoh sebulan untuk syarikat menyiapkan tempahan kasut kesihatan itu. Justeru semua pekerja di bahagian pengeluaran diarahkan untuk bekerja lebih masa dan permohonan cuti dibekukan. Pengurus pengeluaran dikehendaki mengeluarkan notis berkenaan dan tiada seorang pun pekerja di bahagian pengeluaran dibenarkan bercuti dalam tempoh tersebut.

Pihak pengurusan syarikat meminta pengurus kewangan membuat analisis Titik Pulang Modal (TPM) bagi membantu pihak pengurusan syarikat membuat perancangan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran kasut tersebut.

Kos Berubah sepasang kasut	: RM170
Kos Tetap	: RM100 000

Pengurus pemasaran mendapati harga kasut kesihatan tersebut lebih tinggi berbanding dengan harga kasut kesihatan yang dikeluarkan oleh oleh syarikat pesaing di pasaran. Beliau mencadangkan agar harga kasut tersebut diurangkan tetapi tidak dipersetujui oleh pengurus kewangan.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Cadangkan bank yang patut dipilih oleh Syarikat Kasut Selesa Sdn. Bhd..  
Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Jelaskan gaya pengurusan pihak pengurusan Syarikat Kasut Selesa Sdn. Bhd.. [4 markah]

- (c) (i) Hitung kuantiti minimum kasut yang perlu dihasilkan oleh syarikat tersebut dalam situasi Titik Pulang Modal. [2 markah]
- (ii) Lakarkan graf Titik Pulang Modal berkenaan. [3 markah]
- (iii) Dengan menggunakan graf yang sama, lorekkan kawasan keuntungan sekiranya syarikat ingin mengeluarkan kasut kesihatan sebanyak 110 unit melebihi Titik Pulang Modal. [2 markah]
- (d) Pada pendapat anda, mengapakah pengurus kewangan tidak bersetuju dengan cadangan pengurus pemasaran? [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**